

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD  
(SHAH ALAM)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 17.06.2014**

**Y.B. TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan punca pemendapan tanah di sepanjang pembinaan landasan MRT khususnya yang berlaku di Kuala Lumpur termasuk di Jalan Bukit Bintang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebahagian daripada jajaran bagi Projek *Mass Rapid Transit* (MRT) melibatkan pembinaan terowong MRT

sepanjang 9.5 km yang melalui pusat bandar raya Kuala Lumpur termasuk Jalan Bukit Bintang. Kerja-kerja pembinaan di kawasan terbabit sedang rancak dilaksanakan bagi membolehkan operasi perkhidmatan MRT dapat bermula pada 31 Julai 2017. Sungguhpun kerja pembinaan MRT perlu disiapkan mengikut jadual yang ketat, Kerajaan sedia maklum dan mengambil perhatian serius berhubung dengan insiden mendapan tanah di kawasan Jalan Bukit Bintang baru-baru ini yang boleh membahayakan pengguna jalan raya yang lain. Oleh itu, perkara ini telah dirujuk kepada Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp.) syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan di mana berdasarkan siasatan, mendapan tanah di kawasan terbabit berpunca daripada formasi Batu Kapur Kuala Lumpur.

Formasi Batu Kapur Kuala Lumpur didapati menimbulkan banyak kesukaran kerana ia terdiri daripada batuan keras yang mempunyai lapisan atasan yang lembut. Lapisan batuan keras ini amat mudah terhakis dan berkemungkinan mengandungi lubang besar atau gua bawah tanah yang dipenuhi dengan air atau lumpur. Keadaan sedemikian boleh menyebabkan pelbagai masalah ketika kerja mengorek terowong MRT

dijalankan terutamanya jika lubang atau gua berkenaan tidak dapat dikenalpasti di peringkat awal. Oleh itu, bagi mengatasi masalah mendapan tanah ini dengan segera, mesin pengorek terowong *variable density* telah digunakan di mana ia berupaya untuk mengawal ketumpatan campuran cecair dan lumpur di dalam mesin bagi mengelakkan kehilangan tekanan yang boleh mengakibatkan mendapan tanah.

Di samping itu, bagi memelihara dan melindungi keselamatan pengguna jalan raya dari semasa ke semasa, MRT Corp. sentiasa mengambil langkah berwaspada dan berjaga-jaga dengan menutup jalan di kawasan Bukit Bintang jika terdapat insiden mendapan tanah. Jalan yang ditutup hanya akan dibuka semula setelah kerja-kerja pembaikan jalan selesai dan keadaan didapati selamat bagi pengguna jalan raya. Beberapa kawasan lain di sepanjang Jalan Bukit Bintang juga akan ditutup sebagai langkah awal bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini dan merbahaya berlaku semasa mesin menjalankan kerja pengorekan di bawah tanah. Selain itu, pengumuman secara berkala akan dilaksanakan oleh MRT Corp. melalui media massa supaya pengguna jalan raya sentiasa mendapat

informasi terkini mengenai status dan keadaan trafik di kawasan Jalan  
Bukit Bintang.